

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA [ BAKRI ]**

**TARIKH : 24 MAC 2015**

**SOALAN :**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan jumlah keluasan tanah yang terlibat di dalam pembalakan haram dan pencerobohan hutan, apakah bentuk penguatkuasaan, bilangan kes yang telah dihadapkan ke mahkamah dan dijatuhkan hukuman serta dibebaskan daripada pertuduhan dari tahun 2009 sehingga kini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Definisi Pembalakan Haram adalah berbeza dengan Kesalahan Hutan. Mengikut definisi Pembalakan Haram yang digunakan oleh Kementerian iaitu "Pembalakan tanpa lesen yang sah dan secara terancang dengan penggunaan jentera berat". Bagi kesalahan hutan bermaksud lain-lain kesalahan hutan seperti tebangan beberapa batang pokok oleh orang kampung dalam mengusahakan tanah atau pencerobohan tanah, tebangan luar kawasan lesen, memiliki hasil hutan tanpa permit, memasuki dan menjalankan aktiviti dalam kawasan Hutan Simpanan Kekal tanpa kebenaran dan sebagainya.

Berdasarkan definisi di atas, statistik kegiatan Pembalakan Haram di dalam HSK di Malaysia ialah

<b>Wilayah</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>Jumlah</b>
Semenanjung	30	54	24	8	2	1	<b>119</b>
Sarawak	41	14	10	17	23	121	<b>226</b>
Sabah	22	23	24	34	22	28	<b>153</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>93</b>	<b>91</b>	<b>58</b>	<b>59</b>	<b>47</b>	<b>150</b>	<b>490</b>

Sumber: Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Hutan Sarawak dan Jabatan Perhutanan Sabah

Berbanding dengan kes-kes kesalahan hutan yang lain di dalam HSK iaitu:

<b>Wilayah</b>	<b>2009</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014</b>	<b>Jumlah</b>
Semenanjung	284	336	191	310	244	223	<b>1588</b>
Sarawak	481	146	161	115	98	127	<b>1128</b>
Sabah	52	71	14	1	8	0	<b>146</b>
<b>JUMLAH</b>	<b>817</b>	<b>553</b>	<b>366</b>	<b>426</b>	<b>350</b>	<b>350</b>	<b>2862</b>

Bagi tempoh 2011 sehingga 2014, terdapat 121 kes telah dihadapkan ke mahkamah. Daripada jumlah tersebut, 53 kes adalah di Semenanjung Malaysia, 49 kes di Sabah dan 19 kes di Sarawak.

Bagi Semenanjung Malaysia, tiada OKT yang dibebaskan daripada pertuduhan dari tahun 2011 sehingga kini. Manakala bagi Negeri Sabah, seramai 165 orang telah dibebaskan atas sebab tiada bukti yang kukuh untuk disabitkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Perhutanan sentiasa meningkatkan aktiviti penguatkuasaan bagi menangani kegiatan pembalakan haram dan pencerobohan hutan. Antara langkah-langkah yang diambil ialah seperti berikut:

- i) Memperkemaskan dan meminda Akta Perhutanan Negara, 1984 [Akta 313] dengan meningkatkan kadar hukuman dan penalti;
- ii) Memperkenalkan *1NRE Enforcement Team* iaitu aktiviti penguatkuasaan secara bersepadu dengan agensi-agensi penguatkuasaan di bawah kementerian seperti PERHILITAN. Program *1NRE Enforcement Team* adalah selaras dengan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy*) (dengan izin), yang diperkenalkan oleh Kerajaan. Operasi bersepadu ini juga sering diadakan dengan agensi penguatkuasaan lain seperti Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera DiRaja Malaysia, Unit Pencegahan Penyeludupan (UPP) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia bagi membuat pemantauan di sempadan dan kawasan Hutan Paya Laut.
- iii) Menubuhkan pasukan penguatkuasaan hutan di peringkat daerah dan negeri serta '*flying squad*' di Ibu Pejabat, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia;
- iv) Mengadakan rondaan di kawasan yang berisiko tinggi berlakunya kegiatan pembalakan haram (*hotspot*) termasuk menggunakan helikopter;
- v) Menjalankan sekatan jalan raya dari masa ke semasa bagi mengawal pergerakan kayu balak;
- vi) Menggunakan teknologi Penderiaan Jauh (*remote sensing*) dan Sistem Maklumat Geografi (GIS) untuk mengesan dan memantau aktiviti pencerobohan hutan; dan

- vii) Menggalakkan badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan masyarakat awam untuk turut terlibat sebagai mata dan telinga, contohnya membuat aduan mengenai kegiatan pencerobohan hutan yang disyaki sedang atau telah berlaku.

Sekian, terima kasih.